

Dekan FPSK Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree turut menyatakan rasa bangga atas pencapaian cemerlang pelajar FPSK yang muncul pemenang bagi pertandingan peringkat Asia.

“Ini menunjukkan pelajar perubatan UMS mempunyai daya pengetahuan pada tahap tinggi dan mampu menterjemahkan segala pengetahuan dengan pencapaian yang baik apabila menyertai pertandingan kuiz bertaraf dunia,” katanya.

AQC merupakan pertandingan tahunan yang dimulakan sejak 2012 dan melibatkan peserta-peserta dari Asia Pasifik seperti Singapura, Filipina, India, Australia dan New Zealand.

Pertandingan itu sepatutnya berlangsung di Kota Kinabalu yang terpilih sebagai tuan rumah pada tahun ini, namun atas faktor kekangan akibat pandemik COVID-19, pertandingan itu diadakan secara atas talian dengan pasukan penganjur pertandingan berpusat di Kota Kinabalu.

Pada tahun ini juga pertandingan itu dipecahkan kepada dua kategori, iaitu kategori Pro dan kategori Novice bagi meluaskan penyertaan dalam pertandingan kuiz yang kompetitif.

Peringkat akhir pertandingan AQC kategori Pro berlangsung pada 2 Januari dan berakhir semalam (3 Januari).